

## Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob Pengasas Majalah *Panduan Guru*

Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob the Founder of *Panduan Guru*

ROSLAN SAADON

### ABSTRAK

*Artikel ini menganalisis peranan Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob dalam mengasaskan penerbitan majalah terbitan guru yang pertama iaitu Panduan Guru. Beliau bersama-sama rakan-rakan guru menubuhkan Persatuan Guru Melayu Pulau Pinang pada tahun 1920 dan dalam waktu yang sama menerbitkan Panduan Guru sebagai wadah pemikiran dan kepimpinan guru. Majalah terbitan guru-guru Melayu Pulau Pinang ini menjadi asas kepada kewujudan majalah-majalah terbitan guru yang lain termasuk Majalah Guru yang lebih berimpak dan bersifat kebangsaan. Walaupun jangka hayatnya pendek, Panduan Guru berjaya memainkan peranan membangkitkan kesedaran kebangsaan dan memperkaya maklumat kepada guru-guru dan masyarakat Melayu. Artikel berfokus kepada guru-guru Melayu Pulau Pinang dalam persatuan guru. Tulisan ini penting untuk memaparkan kepada masyarakat akan peranan besar yang dimainkan oleh para guru khususnya Pulau Pinang dalam meningkatkan keintelektualan, kepentingan pendidikan dan usaha memartabatkan bahasa Melayu.*

*Kata kunci:* *Panduan Guru; guru Melayu; umat Melayu; kemunduran; kesedaran*

### ABSTRACT

*This article analyses the role of Cikgu Haji Muhammad Zain Haji Ayob in establishing “Panduan Guru” as the first publication of teachers’ magazine. Cikgu Muhammad Zain with fellow teachers established Malay Teacher’s Association of Penang in 1920 and at the same time they published “Panduan Guru” to portray Malay teachers’ thinking and leadership. The Publication of Penang Malay Teachers’ became the basic for the existence of other teacher magazines including “Majalah Guru” which has a great impact and nationalistic character. Though short-lived, “Panduan Guru” successfully played the role to arouse national consciousness and enriched information to the teachers and the community. It aims to show to the public the crucial role played by teachers to increase intellectual level, the importance of education and public awareness of the role of the Malay language.*

*Keywords:* *Panduan Guru; Malay teacher; Malay people; regression; consciousness*

### PENGENALAN

Keintelektualan dan kesedaran akan nasib bangsa yang mundur telah membangkitkan keinginan guru-guru Melayu menerbitkan majalah. Guru-guru Melayu menerbitkan majalah seperti *Panduan Guru* 1922, *Lembaran Guru* 1926, *Majalah Guru* 1924, *Cenderamata* 1932 dan *Bulan Melayu* 1930.<sup>1</sup> *Panduan Guru* merupakan majalah keluaran Persatuan Guru Melayu (PGM) Pulau Pinang. Majalah ini kemudiannya dihentikan pengeluaran dan bergabung dengan *Majalah Guru* pada tahun 1925. Majalah tersebut mula diterbitkan pada bulan November 1924 dan lebih bersifat kebangsaan. Guru yang bertanggungjawab mengasaskan penerbitan *Panduan Guru* yang merupakan buletin pertama guru-guru Melayu ialah Muhammad Zain Haji Ayob. Buletin pertama bermaksud buletin tersebut

merupakan terbitan awal guru-guru Melayu melalui kegiatan persatuan yang menjadikan ia sebagai wadah perjuangan. Pengurusan dan penulisannya melibatkan guru-guru Melayu yang berkelulusan sekolah Melayu.

### CIKGU MUHAMMAD ZAIN HAJI AYOB

Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob merupakan Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu yang dihantar ke Pulau Pinang mulai 1 Januari 1920. Sebelum itu beliau bertugas sebagai Penolong Nazir Sekolah-sekolah Melayu Selangor yang pertama. Beliau dilantik oleh R.O. Winstedt yang merupakan Penguasa Pelajaran Tanah Melayu.<sup>2</sup> Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob dilahirkan pada 31 Mac 1897 di Taiping, Perak Darul Ridzuan.

Anak ketiga daripada sembilan adik beradik ini dibesarkan di Kampung Jambu Taiping. Cikgu Muhammad Zain menerima pendidikan di sekolah Melayu dan sekolah Inggeris. Pada peringkat awal, anak kelahiran Taiping ini mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Taiping sehingga lulus Darjah V pada tahun 1907.<sup>3</sup> Setelah tamat Darjah V sekolah Melayu pada sekitar tahun 1908, beliau dilantik sebagai guru pelatih di sekolahnya sendiri. Selepas kira-kira setahun mengajar, Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob diterima melanjutkan pengajian di Maktab Melayu Melaka. Beliau mengikuti latihan perguruan di situ daripada tahun 1909 hingga 1911.<sup>4</sup> Sejurus tamat latihan perguruan, beliau ditempatkan di Sekolah Melayu Sungai Akar, Batu Kurau, Perak sebagai seorang guru terlatih. Beliau kemudian dilantik sebagai Guru Besar Sekolah Melayu Matang, Taiping pada tahun 1912. Beliau tidak berhenti setakat menerima latihan asas perguruan sahaja. Berbekalkan kecerdikan dan keinginan yang tinggi, guru Melayu ini menyambung pengajian di Sekolah King Edward VII, Taiping dari tahun 1913 hingga 1915. Hasilnya Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob berjaya memperoleh sijil *Senior Cambridge*.<sup>5</sup>

Sumbangan besar beliau di manifestasi apabila ditukarkan ke Pulau Pinang mulai 1 Januari 1920. Di Pulau Mutiara itu beliau bersama beberapa orang rakan yang lain telah mengasaskan PGM Pulau Pinang. Beliau juga terlibat dan memainkan peranan yang penting dalam penerbitan *Panduan Guru* yang menjadi wadah perjuangan dan sumber maklumat kepada guru-guru Melayu Pulau Pinang.<sup>6</sup> Sumbangan tenaga dan idea beliau di Pulau Pinang terhenti pada 21 Mei 1923 apabila ditukarkan ke Kuala Kangsar sebagai *Assistant Master* di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Pada 5 September 1923 dilantik pula menjadi Penolong Penyelia Sekolah-sekolah Melayu, Telok Anson. Pada 1 Januari 1926, Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob ditempatkan sebagai tenaga pengajar di Sekolah Menengah Anderson, Ipoh sehingga bersara pada 1 Mei 1952.<sup>7</sup> Walaupun bersara, khidmat dan kepakarannya terus digunakan. Beliau diminta menyambung tugas mengajar di Sekolah Rendah Kebangsaan Raja di-Hilir Ekram, Ipoh, Perak Darul Ridzuan dari tahun persaraannya sehingga 1963.<sup>8</sup>

#### PENERBITAN *PANDUAN GURU*

Budaya menulis sudah ada dalam diri para guru di Pulau Pinang sebelum tertubuhnya PGM

Pulau Pinang. Beberapa orang guru menulis di dalam akhbar. Begitu juga budaya membaca semakin rancak dengan adanya pembentukan kutub khanah oleh PGM Pulau Pinang. Sejumlah wang diperuntukkan untuk melanggan majalah dan akhbar seperti *al-Kitab*, *Lidah Terona* dan *Pengasuh*.<sup>9</sup> *Lidah Terona* misalnya membentangkan perkara-perkara berkaitan pelajaran, adab yang baik, kesihatan, kebersihan, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Penekanan diberikan kepada perpaduan orang Melayu dan tidak menjurus kepada politik.<sup>10</sup>

Hal ini bersesuaian dengan suasana semasa yang memerlukan golongan cendekiawan Melayu bijak dalam mengatur gerak. Hal ini diakui oleh Abdul Rahman Ismail dengan memberikan contoh Za'ba yang bijak dalam bertindak, iaitu:

“...Za’ba yang menyedari padah buruk yang bakal diterima sekiranya menuding jari kepada British kerana kelemahan orang Melayu umumnya beralih menumpukan perhatian mengkritik bangsa sendiri dan bergiat dalam bidang bahasa dan persuratan. Ungkapan seperti “Hidup Bahasa Hiduplah Bangsa” dan “Bahasa Menunjukkan Bangsa” menjadi pemicu kegiatan dan tira'i pelindung untuk membangkitkan kesedaran dan menyampaikan hasrat politik”.<sup>11</sup>

*Pengasuh* pula merupakan sebuah majalah yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan (MAIIMK). Majalah ini mula diterbitkan pada tahun 1918 dan merupakan sebuah majalah agama.<sup>12</sup> Persoalan agama yang ditimbulkan dalam majalah ini dikatakan mirip kepada fahaman kaum tua. Namun, hal ini disangkal oleh Mohd. Sarim Hj. Mustajab dengan memberikan beberapa alasan. Kandungan majalah yang diterbitkan lebih kepada membangunkan masyarakat. Masalah pelajaran anak-anak Melayu, kedudukan bahasa Melayu, ekonomi dan politik dibahaskan secara serius. Hal itu memperlihatkan ciri-ciri keislaman yang jelas dalam *Pengasuh*. Walaupun majalah ini berteraskan agama sebagai lidah rasmi MAIIMK, namun ianya tidak dimonopoli oleh golongan tersebut. Malah, *Pengasuh* juga turut memuatkan artikel-artikel yang ditulis oleh golongan kaum muda seperti Sheikh Tahir Jalaluddin dan Za'ba.<sup>13</sup> Majalah-majalah tersebut memberi idea dan menjadi panduan bagi guru-guru Melayu Pulau Pinang menghasilkan majalah mereka sendiri.

Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob selaku Pengerusi PGM Pulau Pinang, telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan lagi budaya menulis dalam kalangan guru pada penghujung tahun 1920. Ahli-ahli persatuan digalakkan menghasilkan penulisan dan dihantar kepada pihak jawatankuasa

untuk dipilih. Penulisan yang baik dan bersesuaian dicetak dan diterbitkan. Hasil cetakan tersebut dihantar pula ke sekolah-sekolah sebagai bahan bacaan. Satu lagi usaha adalah melalui pengambilan bahan-bahan berkaitan bahasa di dalam akhbar. Tujuannya untuk memperkaya penguasaan bahasa dalam kalangan guru yang membaca *Panduan Guru*. Begitu juga dalam mesyuarat, penggunaan bahasa Melayu adalah wajib dan tidak dibenarkan bercampur aduk dengan bahasa lain.<sup>14</sup>

Pada 3 Mac 1922, satu mesyuarat diadakan dengan mengambil keputusan menerbitkan sebuah majalah sebagai wadah perjuangan PGM Pulau Pinang.<sup>15</sup> Mesyuarat tersebut menerima beberapa cadangan nama lain selain *Panduan Guru* antaranya *Asohan Guru*, *Kemajuan Guru*, *Pemimpin Guru*, *Tunas Guru*, *Lidah Melayu*, *Kemajuan Bangsa*, *Benih Perasaan* dan *Suloh Melayu*. Mesyuarat kedua pada 30 Jun 1922 menetapkan nama yang dipilih ialah *Panduan Guru*.<sup>16</sup> Dalam mesyuarat pada 3 Mac 1922, jawatankuasa penerbitan dibentuk; Cikgu Husain bin Abdul Rashid dilantik sebagai penyunting dan Cikgu Md Saman Haji Said sebagai penolong penyunting.<sup>17</sup> Hal ini memperlihatkan bahawa PGM Pulau Pinang berusaha memimpin penerbitan sebuah majalah. Melalui kepimpinan Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob dan beberapa orang pengarang yang dikenal pasti, PGM Pulau Pinang mempunyai keupayaan menghasilkan majalah. Guru-guru Melayu Pulau Pinang sudah bersedia untuk menghasilkan wadah yang dapat menyedarkan bangsa yang pada pandangan mereka sedang dilanda ‘dilema’ dan ketinggalan dalam segala lapangan.

Isi kandungan *Panduan Guru* terdiri daripada isu atau tajuk seperti ‘Tujuan Sekolah’, ‘Jawatan Guru’, ‘Nasihat Kepada Guru-guru’, ‘Cerita Pendek’, ‘Berita Persatuan’, ‘Jenaka’, ‘Berita Guru-guru’, ‘Berita Luar Negeri’ dan lain-lain.<sup>18</sup> *Panduan Guru* diterbitkan setiap tiga bulan sekali dengan menggunakan tulisan jawi.<sup>19</sup> Guru-guru Melayu Pulau Pinang berjaya mengeluarkan *Panduan Guru* sebanyak 12 keluaran. Keluaran pertama dihasilkan pada bulan Julai 1922 dan keluarannya yang terakhir pada bulan April 1925.<sup>20</sup> *Panduan Guru* bersaiz 8 x 6 inci berkulit warna, dengan jumlah muka suratnya sebanyak 60 halaman. Majalah ini dicetak oleh *Mercantile Press* Pulau Pinang dan dijual dengan harga 25 sen senaskhah.<sup>21</sup> Antara warna kulit yang digunakan adalah hijau muda, merah jambu, biru dan krim.<sup>22</sup> *Panduan Guru* boleh diperoleh dan dilanggan menerusi Pejabat PGM Pulau Pinang di

alamat *Malay Teachers’ Association, Chowrasta School, Penang*.<sup>23</sup>

## PERANAN PANDUAN GURU

Selaras dengan nama, *Panduan Guru* berperanan besar dalam mengangkat bahasa Melayu dan meningkatkan taraf pendidikan Melayu. Guru-guru Melayu Pulau Pinang amat sedar akan keperluan suatu wadah yang boleh menjadi alat menyampaikan maklumat kepada ahli-ahli dan masyarakat. Secara umumnya, *Panduan Guru* memainkan empat peranan iaitu:

1. Membangkitkan kesedaran kebangsaan kepada nusa dan bangsa.
2. Mengangkat pendidikan umat Melayu
3. Meningkatkan profesionalisme keguruan.
4. Menyampaikan ilmu dan pengetahuan am.

## MEMBANGKITKAN KESEDARAN KEBANGSAAN

Dalam menanamkan semangat kebangsaan, PGM Pulau Pinang melihat tugas guru melangkaui tugas rasmi mereka. Tanggungjawab guru bukan sahaja mengajar di bilik darjah, malah menjadi pemimpin mendorong bangsa bergerak maju. Hal ini dinyatakan oleh Ketua Pengarang *Panduan Guru*. Katanya:

Majalah seperti *Panduan Guru* ini mendapat pulangan setengah modal pun sudah tuah, kerana *Panduan Guru* bukanlah dikeluarkan untuk perniagaan semata-mata tetapi juga sebagai ingatan ikhlas dan kasih akan kaum.<sup>24</sup>

Guru Melayu Pulau Pinang melihat kemunduran bangsa berkait dengan sikap orang Melayu yang pasif. Satu ketika dahulu dunia keilmuan dikuasai oleh Islam (Timur), namun sikap agresif Barat membuatkan mereka terkehadapan. Orang Melayu yang tergolong dalam masyarakat Islam terlibat sama. Perkara tersebut perlu dijadikan iktibar dan pendorong ke arah mengangkat maruah bangsa. Menurut pengarang *Panduan Guru*:

“...pada masa sibuk orang-orang Eropah pada zaman dahulu dengan menanam benih-benih pelajaran yang baharu...padahal pelajaran di sebelah Timur sudah sedia tinggi dan maju... daripada kurun Masih yang ke-16 jadilah perubahan yang amat besar...orang Barat semakin bertambah tinggi dan maju...orang Timur pula semakin lalai dan semakin undur hingga tertinggal dalam kejahilan dan kelemahan...”<sup>25</sup>

Justeru menjadi tanggungjawab para guru membangkitkan kesedaran dan semangat cintakan bangsa dan negara. Golongan pendidik perlu menjadi tulang belakang dalam penyatuan dan pengembangan idea yang dapat memajukan bangsanya. Dalam sebuah penulisan puisi pengarangnya cuba membangkitkan kesedaran para guru dengan menyatakan:

Ayuhai sekalian ahli pelajaran  
Angkat kaumku dari keleburan  
Tidakkah tuan melihat kalanya  
Berpecah bermusuh sama sendirinya  
Gunakan ilmu serta fikiran  
Tunjukkan mereka jalan kebenaran  
Kaum kita bagaimana keadaan  
Orang besar mendiamkan dirinya...<sup>26</sup>

Dalam satu penulisan lain, guru Melayu Pulau Pinang cuba memaparkan kepentingan memperjuangkan bangsa dan tanah air. Kepentingan perjuangan tersebut mengatasi kepentingan berjuang untuk diri sendiri. Menurut pengarangnya:

“...Sebaik-baik maksud dan harapan bagi kemajuan serta manfaat itu ialah tanah air dan bangsa sendiri iaitu yang lain daripada kebajikan menolong akan diri kamu sendiri...”<sup>27</sup>

Kesedaran dalam kalangan guru untuk memperjuang nasib bangsa dan tanah air amat penting. Bangsa Melayu perlu dibantu. Orang Melayu ketinggalan dalam semua aspek. Dalam hal ini para guru dipertanggungjawabkan membawa kemajuan bangsa. Guru perlu sentiasa berjuang meningkatkan kemajuan bangsa lebih daripada kepentingan diri. Jika ini berlaku, bangsa Melayu akan berkembang maju dan tidak terus mundur ke belakang.

Dalam membangkitkan kesedaran kebangsaan, jati diri terhadap tradisi Melayu amat penting. Bahasa Melayu merupakan antara tradisi Melayu yang perlu dipertahankan. Orang Melayu perlu memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan bahasa ibu pertiwi. Inilah jati diri bangsa Melayu. Dalam hal ini *Panduan Guru* menyatakan:

“...Barang siapa jahil akan bahasanya maka tiadalah kehormatan dan tertib pada bangsanya...”<sup>28</sup>

“...Tiada apa kelebihan seseorang yang bermuka-muka dengan bahasa lain, demikian jika tiada sesuatu kerugian dan kekurangan mereka yang bersantun pada bahasanya sendiri...”<sup>29</sup>

## MENGANGKAT PENDIDIKAN UMAT MELAYU

Kesedaran bangsa perlu dimulakan dengan perjuangan mengangkat pendidikan anak-anak Melayu. Usaha mengangkat pendidikan perlu dimainkan oleh para guru, ibu bapa dan masyarakat. Guru sebagai golongan yang dianggap berpendidikan dan terlatih melebihi orang kebanyakan, maka mereka menjadi tunggak utama. Mereka sedar akan kepentingan pendidikan dan hal ini perlu disalurkan kepada ibu bapa.

Orang Melayu perlu diingatkan supaya menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Hal ini sentiasa disuarakan dalam *Panduan Guru*. Antaranya digambarkan dalam *Panduan Guru* keluaran pertama, iaitu:

“Di kampung-kampung pada zaman dahulu di manakah ada sekolah dan manakah tempat pelajaran anak-anak Melayu yang boleh dipanggilkan sekolah. Bahkan pada zaman Abdullah Munshi di negeri Melaka dahulu ada juga tempat-tempat pelajaran yang dibuka oleh orang-orang Melayu sendiri dan pelajaran di dalamnya ialah mengajai al-Quran dan sedikit-sedikit tulis menulis bahasa Melayu dan tidak pula berperaturan yang lengkap seperti yang ada sekarang ini...”<sup>30</sup>

Kemudahan persekolahan yang wujud pada ketika itu perlulah digunakan dengan sebaik-baiknya oleh orang Melayu. Sekolah dilihat sebagai tempat yang boleh mengubah nasib orang Melayu dan dapat memberikan keuntungan. Dalam hal ini *Panduan Guru* mencatatkan:

“Bawaha manakala kita lihat pada segenap kampung, dusun, ceruk dan rantaui dalam Semenanjung Tanah Melayu ini maka kita dapatilah adalah dengan sekolah-sekolah Melayu bagi pelajaran bumiputeranya yang ditadbirkan oleh kerajaan. Maka tidakkah kita fikir yang ini sebesar-besarnya keuntungan kepada bangsa kita pada hari ini...”<sup>31</sup>

Guru Melayu juga mengaitkan kemunduran orang Melayu dengan sikap mengambil ringan akan pendidikan. Hal ini menyebabkan orang Melayu jauh ketinggalan di belakang berbanding kaum lain. Perkara ini amat serius dan dimuatkan dalam *Panduan Guru* dengan catatan berikut:

“...kedatangan Barat telah membuka mata kita hingga dapat melihat dan sedar akan keadaan kita dan kekurangan kita dalam pelajaran. Maka sungguhpun bertaburan sekolah-sekolah Melayu...akan tetapi hal keadaannya umpama dalam gelap... hingga sampailah kira-kira tahun 1915, manakala mula bergerak sedikit-sedikit. Pelajaran Melayu di Semenanjung kita mana saksi yang menunjukkan demikian itu boleh kita lihat di dalam surat-surat khabar Melayu daripada segenap ceruk kampung di Semenanjung ini berjerit pekik membangun dan menyeru kaumnya yang masih lagi dalam kelalaian dan berteriakan yang telah ketinggalan jauh ke belakang”<sup>32</sup>

Guru-guru Melayu Pulau Pinang juga melihat dan menyedari terdapat kekurangan dalam sistem pendidikan Melayu. British hanya menyediakan pendidikan rendah sedangkan pendidikan menengah dan lanjutan tidak disediakan. Hal ini dinyatakan dalam *Panduan Guru*:

“Pelajaran Melayu di Semenanjung pada masa ini hanya mempunyai dua peringkat sahaja iaitu pelajaran daripada darjah 1 – 4 yang merupakan tingkat permulaan dan peringkat yang kedua ialah yang didapati dari maktab-maktab Melayu yang boleh disamakan seperti pelajaran Inggeris yang dipanggil *secondary education*. Inilah sahaja penghabisan pelajaran Melayu yang ada sekarang...”<sup>33</sup>

Selaku teraju utama, guru-guru Melayu Pulau Pinang melihat peranan dan tanggungjawab guru amat penting dalam memastikan kejayaan. Mereka mula sedar kelemahan bangsa berkait dengan kelemahan dan kelalaian guru. Dalam hal ini *Panduan Guru* mencatatkan:

“...Apalah gerangan sebabnya yang sebegini lama lalai kita (guru-guru Melayu khasnya) daripada bergerak melangkah kepada kemajuan. Pada hal anggaran kami tidak kurang daripada 2000 orang guru Melayu yang di dalam Semenanjung kita ini yang sedia memimpin mengajar, mengasuh dan menyelenggara akan anak-anak bangsa kita... Pada setiap hari apakah yang kita perbuat selama ini dan apakah yang diajar dan diasuh kepada anak-anak bangsa kita?...”<sup>34</sup>

Guru berperanan besar dalam mendidik anak-anak yang dahagakan ilmu pengetahuan. Guru juga menjadi pembimbing dan contoh kepada pelajar. Hal ini dinyatakan dengan tujuan memberi kesedaran kepada guru agar menjadi pendidik yang terbaik dan dicontohi para pelajar. *Panduan Guru* mencatatkan:

“...Guru itu diumpamakan seperti suatu cawangan bagi tiruan dan tauladan kepada kanak-kanak seumpama suatu acuan jika dituang beberapa banyak benda-benda sebelum keras tentu mengikut ia...”<sup>35</sup>

## MENINGKATKAN PROFESIONALISME KEGURUAN

Satu lagi peranan penting *Panduan Guru* adalah meningkatkan profesionalisme keguruan. Guru-guru Melayu Pulau Pinang amat sedar akan perkara itu. Bagi mencapai matlamat tersebut penulisan berkaitan panduan mengajar dimuatkan. Hal ini selaras dengan namanya *Panduan Guru*, maka banyak panduan untuk pengajaran dan pembelajaran serta motivasi guru dimuatkan.

Dalam keluaran April 1923, *Panduan Guru* membangkitkan keperluan latihan dan

pengetahuan yang cukup untuk guru. Pendidikan tidak akan berkesan jika diajar oleh guru yang tidak berpengetahuan dan berkemahiran. Menurut pengarangnya:

“...kemajuan pelajaran yang sebenar-benarnya itu terhenti di atas perihal bagaimana pelajaran guru-guru bangsa kita itu... selagi tidak dileburkan dan diacukan semula akan pelajaran bagi guru-guru bangsa kita mengikut kehendak zaman dan masa mereka, tidaklah ada harapan kemajuan yang sebenar dalam perjalanan pelajaran bagi bangsa kita...”<sup>36</sup>

Selaras dengan namanya *Panduan Guru*, maklumat berkaitan pedagogi guru juga dimuatkan. Sebagai contoh, guru diingatkan agar mengajar dengan memberikan contoh-contoh bagi memudahkan pemahaman serta menarik minat pelajar. Pelajaran yang diajar perlu mengikut tahap kebolehan pelajar. Kerja rumah merupakan suatu kemestian kepada para pelajar dan mereka juga perlu disediakan masa yang khusus untuk bernyanyi dan bermain.<sup>37</sup>

Penulisan berkaitan panduan mengajar terutama pedagogi menjadi topik penting dalam pemikiran guru-guru Melayu Pulau Pinang. Kaedah, panduan dan pendekatan yang dianjurkan diharapkan dapat meningkatkan minat dan kefahaman dalam kalangan pelajar. Hal ini akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Pencapaian prestasi akademik yang lebih baik akan berlaku dalam kalangan anak-anak Melayu. Dalam satu keluaran, *Panduan Guru* memaparkan cara mengajar bacaan, iaitu:

...Bawaha manakala seseorang guru hendak mengajar bacaan terutamalah ia menyediakan segala perkara dan alatan yang berkenaan...(1) hendaklah guru sendiri beritahu pada kanak-kanak tempat yang hendak dibacanya...(2) manakala guru pulang ke rumah sediakanlah tempat bacaan itu dengan menandakan sebarang perkataan yang patut diberi erti, (3) jika ada ayat-ayat yang patut disyarahkan ceriterakan atau maksudnya sediakanlah, (4) demikian juga segala perkataan yang pelik-pelik yang patut disuruh kanak-kanak hafazkan ejaaannya...”<sup>38</sup>

*Panduan Guru* juga mengingatkan para guru agar memelihara disiplin dan keperibadian diri. Guru juga perlu mengajar mengikut keupayaan murid dan perlu sentiasa bersabar semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut pengarangnya:

“...guru-guru ini berpakaian dengan segala keelokan dan kelebihan sifat adab serta ketinggian perangai dan mananamkan pelajaran kepada murid-murid itu atas kadar akal dan fikiran yang boleh tertahan atas mereka itu (murid-murid). Istimewa pula membanyakkan sabar maka jangan sangat pemarah dan jangan pula terlampaui baik iaini lembut hingga boleh dimainkan oleh murid-murid...”<sup>39</sup>

Sebagai kesimpulan, para guru yang menerajui *Panduan Guru* dan yang menyumbang makalah di dalamnya berpendapat bahawa profesionalisme guru perlu dipertingkatkan. Guru perlu sentiasa berilmu, berkemahiran tinggi dan berdisiplin. Guru yang kompeten akan memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan baik dan berkesan. Hal ini akan meningkatkan prestasi pendidikan anak bangsa dan seterusnya memajukan bangsa.

### MENYAMPAIKAN ILMU DAN PENGETAHUAN AM

Peranan keempat *Panduan Guru* adalah menyampaikan maklumat dan pengetahuan am kepada pembaca. Tujuannya adalah untuk memperkaya minda guru atau pembaca lain dengan pelbagai maklumat dan ilmu pengetahuan. Dalam satu keluaran, *Panduan Guru* cuba membentangkan perihal asal usul orang Melayu, sifat, pakaian dan pekerjaan mereka. Dalam hal pakaian contohnya, pengarang menulis, iaitu:

“...Sebelum orang Melayu tiru meniru pada bangsa-bangsa asing adalah pakaian mereka itu bertengkolok atau berdastar iaitu dililit dengan kain di kepalanya dan berbaju labuh tangannya kecil dan singkat serta berseluas dengan berkain sarung berpancung di atas dan yang perempuan-perempuan pula berkain kelumbung berbaju labuh dan berkain sarung...”<sup>40</sup>

*Panduan Guru* juga memaparkan pengetahuan tentang penjagaan mata. Mata merupakan organ penting dan perlu dijaga. Kerosakan mata sering dikaitkan dengan kegiatan menulis dan membaca. Justeru pengarang mencatatkan seperti berikut:

“Adapun pekerjaan yang menjadikan kerosakan mata itu iaitu pekerjaan tulis menulis. Dengan sebab menulis itu menggunakan pemandangan yang tetap dan pekerjaan otak dan tangan bagi pekerjaan anggota...”<sup>41</sup>

Bagi mengatasi masalah tersebut pengarang tersebut menyenaraikan perkara yang perlu dilakukan, iaitu:

“...(1) Apabila menulis hendaklah di atas meja yang beralas warna hijau ... (2) Jangan selalu gemar membaca dan menulis huruf-huruf tulisan yang sangat halus... (3) Jangan selalu memakai lampu-lampu yang tidak sempurna nyalanya... (4) masa menulis jangan biasa menyengetkan badan...”<sup>42</sup>

Selain itu, *Panduan Guru* juga memaparkan implikasi tabiat merokok. Satu ketika dulu merokok dianggap dapat merawat demam dan sakit gigi. Asap rokok dikatakan dapat membunuh kuman. *Panduan Guru* tidak bersetuju dengan perkara tersebut dan mencatatkan bahawa merokok itu,

“...merosakkan rongkong dan melemahkan perkakas rongkong manusia, melemahkan badan dan menggelapkan otak (istimewa pula badan dan otak kanak-kanak yang masih lembut)...”<sup>43</sup>

Dalam keluaran yang lain, bahaya merokok dipaparkan juga. Tujuannya untuk menyedarkan masyarakat akan kesan buruk merokok. Kandungan rokok beracun dan merosakkan kesihatan. Menurut pengarangnya:

“...tembakau paip, curut dan cigarette dan telah didapati racun tembakau itu terlebih di dalam tembakau paip daripada yang lain-lain...”<sup>44</sup>

Maklumat dan pengetahuan mengenai kemahiran melukis juga dimuatkan dalam *Panduan Guru*. Melukis boleh dijadikan profesion dan mendatangkan sumber pendapatan kepada mereka yang mahir. Penulis memaparkan orang Cina dan Jepun sebagai contoh. Menurut penulis tersebut:

“...Lukis melukis itu bolehlah juga dijadikan suatu jalan pencarian nafkah bagi diri sendiri. Lihat keadaan orang-orang Cina dan Jepun bukankah pada merata-rata pekan yang besar terkaya kehidupannya mereka dengan melukis sahaja. Tetapi syaratnya hendaklah belajar hingga mendapat isinya, tidak memberi bekas dengan tiruan atau ikut-ikutan sahaja. Demikian lagi besar faedahnya lukisan itu di pejabat-pejabat sukanan (*survey office*) tentang membuat pelan-pelan tanah dan sebagainya...”<sup>45</sup>

Sebagai kesimpulan, dalam *Panduan Guru* telah diisi dengan pelbagai tulisan yang boleh menambah pengetahuan para pembacanya. Pengetahuan yang diperoleh oleh para guru daripada kegiatan membaca perlu dikongsi. Justeru *Panduan Guru* menjadi medan para guru berkongsi pengetahuan dengan masyarakat. Mereka yang banyak membaca akan meningkatkan ilmu pengetahuan. Dengan pengetahuan yang luas, minda guru dan masyarakat akan menjadi lebih terbuka dan produktif.

### KESIMPULAN

Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob menjadi pengasas kepada pembentukan majalah terbitan guru Melayu yang pertama. Hal ini menjadi sejarah dalam penerbitan majalah di Tanah Melayu. Hasil pemikiran dan kepimpinan beliau, guru-guru Melayu Pulau Pinang mampu menerbitkan sebuah majalah yang menjadi kemegahan ahli-ahli persatuan. Penghasilan penerbitan merupakan usaha keintelektualan guru-guru Melayu dan Pulau Pinang mengunggulinya. Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob melihat bahawa kegiatan penulisan merupakan satu aktiviti yang penting dalam

meningkatkan keintelektualan. Intelek Melayu akan berkembang melalui aktiviti penulisan. Guru-guru Melayu dapat mengasah pemikiran dengan menghasilkan penulisan. Para pembaca pula dapat menikmatinya sebagai santapan jiwa dan minda. Hal ini menguntungkan bangsa kerana mengamalkan budaya membaca dan budaya keilmuan.

Guru merupakan agen penting dalam mengubah minda anak-anak Melayu. Orang-orang Melayu perlu dibangunkan dan dimajukan melalui pendidikan. Kemajuan tersebut perlu dimulakan oleh guru yang berilmu dan berkemahiran. Itulah hasrat murni *Panduan Guru* iaitu membentuk guru yang kompeten dan seterusnya menjadi pembimbing kepada anak bangsa yang bakal mengangkat maruah bangsa. Sebagai kesimpulan, peranan yang dimainkan oleh Cikgu Muhammad Zain Haji Ayob amat besar. Beliau bukan sahaja membangunkan persatuan, malah mengembangkan minda dan kesedaran guru-guru Melayu. Persatuan yang ditubuhkan menjadi ikutan kepada guru-guru di negeri-negeri lain mewujudkan persatuan. Begitu juga *Panduan Guru* pimpinan beliau menjadi bahan rujukan para guru di negeri-negeri lain dan seterusnya membuka jalan kepada penghasilan *Majalah Guru* yang meliputi semua negeri di Semenanjung termasuk Singapura dan Brunei. Paling penting orang-orang Melayu perlu disedarkan dengan semangat sayangkan bangsa dan negara melalui majalah yang diterbitkan.

#### NOTA AKHIR

- <sup>1</sup> Hasnah Husiin, 2009. *Guru-guru Melayu: Peranan dan Perjuangan Pada Zaman Penjajahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 288.
- <sup>2</sup> Aminah Mohamad Nor, “Kebangkitan dan Perjuangan Persatuan Guru”.
- <sup>3</sup> *Tokoh-tokoh Guru 1975-1985*, Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, hlm. 182.
- <sup>4</sup> *Jubli Emas Persatuan Guru*, hlm. 119.
- <sup>5</sup> Aminah Mohammad Nor, “Kebangkitan dan Perjuangan Persatuan Guru”, hlm. 15.
- <sup>6</sup> *Panduan Guru*, Oktober 1923, hlm. 1.
- <sup>7</sup> *Tokoh-tokoh Guru 1975*, hlm. 183.
- <sup>8</sup> *Ibid.*
- <sup>9</sup> Mohamad Nor Ahmad, “Persatuan Dengan Penerbitan Majallah”, *Jubli Emas Persatuan Guru*, hlm. 81.
- <sup>10</sup> W.R. Roff, 1975. *Nasionalisme Melayu*, hlm. 207-208.
- <sup>11</sup> Abdul Rahman Ismail, “Jati Diri Bahasa Melayu Dalam Era Pensejagatan: Berkacau Dengan ‘Bahasa Kacaukan’”, dlm. Syed Muhammad Dawilah al-Edrus, 2002. *Pemikiran Melayu Tentang Alam dan Hakikat Diri* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka), hlm. 152-153.
- <sup>12</sup> Mohd. Sarim Hj. Mustajab et.al., 1988. *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan*, Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 31.
- <sup>13</sup> *Ibid.*, hlm. 43-45.
- <sup>14</sup> *Ibid.*
- <sup>15</sup> W.R. Roff, 1972. *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals, Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941* (London: Oxford University Press), hlm.14; Lihat juga *Jubli Emas Persatuan Guru*, hlm. 23.
- <sup>16</sup> *Jubli Emas Persatuan Guru*, hlm. 23. Minit mesyuarat berkaitan perkara tersebut cuba dikesan di Pejabat PGM Pulau Pinang tetapi tiada. Minit paling awal ditemui adalah bagi tahun 1937.
- <sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 81.
- <sup>18</sup> Aminah Mohamad Nor, “Kebangkitan dan Perjuangan Persatuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai 1920-1950”, Kajian Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 1997/1998., hlm. 27.
- <sup>19</sup> Maklumat berkenaan majalah diterbitkan tiga bulan sekali terdapat di kulit hadapan majalah ini. Rujuk *Panduan Guru*, Julai 1922.
- <sup>20</sup> *Jubli Emas Persatuan Guru*, hlm. 81.
- <sup>21</sup> *Ibid.*, hlm. 83.
- <sup>22</sup> Sila rujuk *Panduan Guru* di Koleksi Za’ba, Perpustakaan Peringatan Za’ba, Universiti Malaya. Di Koleksi Za’ba masih tersimpan naskhah pertama hingga sepuluh sahaja. Penyelidik cuba mendapatkan *Panduan Guru* di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur selepas dimaklumkan oleh Mardiana Nordin, Pensyarah Sejarah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Malangnya apabila dicari pada 6 Jun 2011, ianya tiada dan disahkan oleh pegawai arkib. Namun, pada 13 Jun 2013, apabila ditanya tentang *Panduan Guru*, ia dikatakan ada dalam simpanan mereka. Justeru, pihak arkib dipohon budi bicara memperuntukkan satu set lengkap salinan *Panduan Guru* kepada PGM Pulau Pinang untuk simpanan. Hal ini disuarakan semasa Majlis Wacana Arkib Persendirian, anjuran Arkib Negara Malaysia di Jalan Duta pada 13 Jun 2013.
- <sup>23</sup> Alamat tersebut tercatat pada kulit dalam *Panduan Guru*. Rujuk *Panduan Guru*, Julai 1924.
- <sup>24</sup> *Panduan Guru*, April 1923, hlm. 55.
- <sup>25</sup> *Panduan Guru*, Oktober 1922, hlm. 6.
- <sup>26</sup> *Panduan Guru*, April 1924, hlm. 164.
- <sup>27</sup> *Panduan Guru*, Julai 1924, hlm. 19.
- <sup>28</sup> *Panduan Guru*, April 1924, hlm. 162.
- <sup>29</sup> *Ibid.*, hlm. 168.
- <sup>30</sup> *Panduan Guru*, Julai 1922, hlm. 30.
- <sup>31</sup> *Ibid.*
- <sup>32</sup> *Panduan Guru*, Julai 1922, hlm. 35.
- <sup>33</sup> *Panduan Guru*, Julai 1922, hlm. 37.
- <sup>34</sup> *Ibid.*, hlm. 33.
- <sup>35</sup> *Panduan Guru*, Oktober 1924, hlm. 98.
- <sup>36</sup> *Panduan Guru*, April 1923, hlm. 45.
- <sup>37</sup> *Panduan Guru*, Julai 1924, hlm. 13.
- <sup>38</sup> *Panduan Guru*, Julai 1923, hlm. 37.
- <sup>39</sup> *Panduan Guru*, Januari 1923, hlm. 16.
- <sup>40</sup> *Panduan Guru*, Oktober 1922, hlm. 22.
- <sup>41</sup> *Panduan Guru*, Julai 1924, hlm. 28.
- <sup>42</sup> *Ibid.*

- <sup>43</sup> *bid.*, hlm. 27.
- <sup>44</sup> *Panduan Guru*, April 1923, hlm. 49.
- <sup>45</sup> *Panduan Guru*, Oktober 1924, hlm. 93.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Ismail. 2002. Jati Diri Bahasa Melayu Dalam Era Pensejagatan: Berkacau Dengan ‘Bahasa Kacaukan’. Dlm. *Pemikiran Melayu Tentang Alam dan Hakikat Diri*, disunting oleh Syed Muhammad Dawilah al-Edrus. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminah Mohamad Nor. 1998. Kebangkitan dan perjuangan persatuan guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai 1920-1950. Kajian Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 1997/1998.
- Hasnah Husiin. 2009. *Guru-guru Melayu: Peranan dan Perjuangan Pada Zaman Penjajahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jubli Emas Persatuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai*. 1972.
- Mardiana Nordin. 1996. Panduan guru: Peranan dan sumbangannya dalam membangkitkan kesedaran masyarakat Melayu.
- Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1995/96.
- Mohamad Nor Ahmad. 1972. Persatuan Dengan Penerbitan Majalah. *Jubli Emas Persatuan Guru-guru Melayu Pulau Pinang dan Seberang Perai*.
- Mohd. Sarim Hj. Mustajab et.al. 1988. Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan Perkembangan. Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. *Panduan Guru*. Julai 1922, Oktober 1922, April 1923, Julai 1923, Oktober 1923, April 1924, Julai 1924, Oktober 1924.
- Roff, W. R. 2005. *Nasionalisme Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_. 1972. *Bibliography of Malay and Arabic Periodicals*. Published in the Straits Settlements and Peninsular Malay States 1876-1941. London: Oxford University Press.
- Roslan Saadon. 2010. *Perjuangan KGMMB*. Kuala Lumpur: Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat.
- \_\_\_\_\_. 2015. Perjuangan guru Melayu Pulau Pinang 1920-1980: Satu manifestasi pemikiran dan kepimpinan guru. Disertasi Ijazah Doktor Falsafah, Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Januari 2015.

Roslan Saadon  
 Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang  
 Persiaran Tunku Kudin, Bukit Coombe  
 11700 Gelugor, Pulau Pinang  
 E-mel: roslangsaadon@yahoo.com.my  
 roslan.saadon@ipgm.edu.my

Diserahkan: 9 April 2015

Diterima: 6 Ogos 2015